



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG MELAYU RAYA
TUAN. HJ.IDRIS BIN TUAN.HJ. MOHD YUNOS, PUAN HAKILA BT RAFIT, PUAN HAJJAH
SARUMI BT BASIRON DAN TUAN JOHARI BIN MARSAN TENTANG SEJARAH DAN
KEUNIKAN KAMPUNG MELAYU RAYA

DISEDIAKAN OLEH:

MASTURA BINTI MD ZALI	(2012358309)
NURAIN BINTI RAMLI	(2012904523)
NURUL AMIRAH BINTI ZAINAL ABIDIN	(2012558161)
RAIHANA BINTI FATHILAH	(2012932115)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, KAMPUS SEGAMAT, JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604- DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 5 - (MAC 2014 – JULAI 2014)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

PENGENALAN1-5

TRANSKRIP6-88

LOG WAWANCARA89-106

BIODATA TOKOH107-111

SENARAI SOALAN WAWANCARA112-122

SENARAI RUJUKAN123

LAMPIRAN124-127

INDEKS128-129

PENGHARGAAN

Alhamdulillah hirrabbi'l'amin, kami merafakkan sepenuh kesyukuran kehadiran ilahi dengan limpah dan kurniaNya, dapat kami menyelesaikan tugas kerja khusus ini dengan penuh jayanya. Kami menjulang sepenuh penghargaan kepada Encik Mohd Zul-Azmi Bin Ishak pensyarah kami di atas kesudian beliau memberi tugas ini kepada kami. Beliau juga banyak membantu kami sepanjang proses pembentukan tugas ini berlaku.

Seterusnya, terima kasih juga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang kerja khusus ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kami ucapkan kerana memberikan kami bantuan dari segi kewangan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek masing-masing. Bantuan kalian dari segi informasi terkini mengenai kerja khusus amat kami hargai. Budi kalian yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan kami maklumat tidak akan kami lupakan.

Terima kasih kepada penduduk-penduduk Kampung Melayu Raya Daerah segamat Tuan. Hj. Idris Bin Tuan. Hj. Mohd Yunus, Puan Hakila Bt Rafit, Puan Hajjah Sarumi Bt Haji Basirun Dan Tuan Johari Bin Marsan kerana telah banyak membantu kami sepanjang proses merealisasikan tugas ini berjalan.

Pelbagai ilmu yang dapat kami rungkai sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Sejajar dengan anjakan paradigm dalam era globalisasi ini, begitulah dominannya peranan mahasiswa khususnya bakal pendidik di negara ini untuk merungkai pelbagai ilmu pendidikan di muka bumi ini. Pada dewasa kini, pelbagai pembangunan dari segenap sudut begitu pesat terbina, begitulah juga pembangunan dalam bidang pendidikan. Justeru itu haruslah mahasiswa ini tergolong dalam orang yang sentiasa menyaingi peradaban zaman yang begitu hebat. Sebelum kami mengundur diri terimalah serangkap mutiara kata dari kami sebagai renung-renungan dan selamat beramal.

"Kesusahan tidak semuanya seksaan dan yang paling pahit itu bukan semuanya racun. Tetapi adakalanya lebih berguna daripada kesenangan yang terus-menerus"


ABSTRAK

Kampung Melayu Raya adalah sebuah kampung tradisional yang teratur dan telah dibuka dengan rasminya pada 04 November 1952. Nama Kampung Melayu Raya diberi, atas sempena nama Encik Ali Bin Raya yang menjadi Pegawai Daerah Segamat pada ketika itu. Keluasan kampung ini dianggarkan seluas 1800 ekar dan terdapat 200 buah rumah. Pekerjaan utama penduduk kampung ini ialah sebagai pekebun kecil dan ada diantara mereka yang mengusahakan ladang getah sendiri atau mengambil upah. Kampung Melayu Raya merupakan sebuah kampung yang aktif dari segi penganjuran berbagai jenis program. Kampung Melayu Raya juga terkenal dengan pelbagai keunikan dan kebudayaan seperti kraftangan dari daun getah, kuih tradisional iaitu kuih cakar ayam, terdapat kelab kompang yang terkenal dengan kejayaannya. Terdapat juga sukan yang sentiasa dijalankan sepanjang tahun seperti sambuatn hari pekerja 2 hari 1 malam dan sebagainya. Antara sukan yang terkenal di kampung melayu raya ialah futsal dan badminton.

Kata kunci: *Kampung Melayu Raya, Keunikan dan kebudayaan, Kraftangan, Kompang.*

PENGENALAN

Nama dan Sejarah Kampung Melayu Raya



Gambar 1: Papan tanda Kg. Melayu Raya Mukim Pogoh

Kampung Melayu Raya adalah sebuah kampung tradisional yang teratur dan telah dibuka dengan rasminya pada 04 November 1952. Nama Kampung Melayu Raya diberi, atas sempena nama Encik Ali Bin Raya yang menjadi Pegawai Daerah Segamat pada ketika itu. Ketua kampung yang pertama ialah Haji Surman Kasan. Ketua kampung kedua Imam Budi, merupakan imam dan ketua kampung pada masa itu. Sebelum menerima kemudahan elektrik dan bekalan air penduduk kampung terpaksa menggunakan alternative lain seperti menggunakan kabait, pelita, lampu minyak tanah dan generator. Mereka juga perlu menggali perigi dari kolam untuk mendapatkan bekalan air. Pada ketika itu perigi itu dikongsi 2 hingga 3 orang ataupun digali untuk kegunaan sendiri.

Keluasan kampung ini dianggarkan seluas 1800 ekar dan terdapat 200 buah rumah. Pekerjaan utama penduduk kampung ini ialah sebagai pekebun kecil dan ada diantara mereka yang mengusahakan ladang getah sendiri atau mengambil upah. Permulaan pembukaan kampung ini, setiap penduduk diberikan 1 lot berukuran 5 ekar. Pelan mula dibuat untuk membina kampung.